



Anwar bersama Li pada Majlis Pecah Tanah Laluan ECRL di Gombak, semalam. (Foto Mohamad shahril Badri saali/BH)

# PM mahu kontraktor tempatan terbabit dalam projek ECRL

**Kerajaan sedia beri kerjasama penuh pastikan prasarana siap ikut jadual**

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) dan China Communications Construction Company Ltd (CCCC) menjamin penyertaan kontraktor tempatan serta Bumiputera dalam pelaksanaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Perdana Menteri berkata, projek bernilai lebih RM50 bilion itu juga perlu disempurnakan dengan pembabitan tenaga pekerja, perunding serta pembekal mencukupi daripada syarikat negara.

Ketika ini, katanya, projek berkenaan sudah mencapai 67 peratus pelaksanaan dan perlu disiapkan segera.

"Kerajaan akan memberi kerjasama diperlukan MRL dan CCCC dalam memastikan pelaksanaan dapat disempurnakan mengikut jadual.

"Saya menyatakan kepada CCCC dan MRL supaya menyegerakan pelaksanaan projek ini dan kerajaan akan berikan segala kerjasama supaya pesatkan pertumbuhan dan kejayaan

projek berkenaan.

"Kita juga minta beberapa perhatian termasuk jaminan, kerjasama kontraktor tempatan dan kontraktor Bumiputera serta (penyertaan) pekerja, perunding dan pembekal mencukupi dari syarikat negara dan penyertaan Bumiputera selayaknya," katanya ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Gombak, semalam.

Ia diadakan bersempena lawatan rasmi selama tiga hari Perdana Menteri China, Li Qiang ke Malaysia, untuk memperkukuh hubungan dua hala dan memperingati ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik Malaysia-China.

Yang turut hadir, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke; Pengerusi MRL, Tan Sri Mohd Zuki Ali; Duta Besar China ke Malaysia, Ouyang Yujing; Pengerusi CCCC, Wang Tongzhou, menteri Kabinet serta pegawai kanan Kerajaan Malaysia dan China.

Terletak di kawasan seluas 8.73 hektar di pinggir kawasan pembentukan kuarza terpanjang di dunia 'Gombak Selangor Quartz Ridge', stesen Terminal Bersepadu ECRL Gombak dijangka dihubungkan dengan stesen LRT Gombak sedia ada, bagi memudahkan kesalinghubungan menerusi LRT Laluan Kelana Jaya.

**Pastikan projek tak terganggu**

Mengulas lanjut, Anwar juga mahu MRL dan CCCC berbincang dan merangka penyelesaian terhadap isu berkaitan penyelenggaraan dan operasi, bagi menjamin perjalanan projek mega

berkenaan tidak terganggu.

"Mengenai isu penyelenggaraan dan operasi, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali sudah bertemu CCCC dan MRL semalam (kelmarin) bagi memberi tumpuan kepada keperluan, teruskan dan mula merancang (menyelesaikan) isu operasi dan penyelenggaraan ini.

"Salah satu rangkaian utama projek mega perlu dipastikan supaya pengurusan projek ini dapat dijalankan dengan cara yang betul dan tidak mengganggu kemajuannya," katanya.

Perdana Menteri juga menghargai komitmen kerjasama kedua-dua syarikat itu dalam menyediakan latihan kemahiran, pemindahan teknologi serta pendedahan kepada pemain dan pekerja tempatan.

Anwar berkata, pelaksanaan projek ECRL dimulakan pada 2016 dan diteruskan hingga kini, berupaya melonjakkan kepesatan ekonomi khususnya di negeri Pantai Timur.

"Saya percaya ia akan menunjukkan kesediaan kita bukan sahaja mencatat pembangunan, tetapi menjamin pembangunan lebih merata kerana ECRL akan menjamin pertumbuhan rantau (negeri) yang dianggap kurang dari segi persaingan dan tidak mempunyai keupayaan untuk bersaing melainkan dengan prasarana yang cukup baik.

"Prasarana disediakan, termasuk di Terengganu dan Pahang itu akan memberikan ruang supaya kita boleh menyaksikan pertumbuhan ekonomi lebih segar di negeri berkenaan," katanya.